



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 13/2023

**RAMADAN MENYUCIKAN JASMANI DAN
ROHANI**

9 Ramadan 1444 H

Bersamaan

31 Mac 2023

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ صِيَامَ رَمَضَانَ تَطْهِيرًا لِلْأَبْدَانِ وَالْأَرْوَاحِ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ نَبِيُّ الرَّحْمَةِ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تُبَدِّرُوا تَبْدِيرًا

Kaum muslimin yang dirahmati Allah, marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan beramal secara sempurna dan penuh ikhlas. Pada hari Jumaat yang barakah ini, khatib menyeru hadirin untuk memberi perhatian kepada khutbah yang bertajuk:

Ramadan menyucikan jasmani dan rohani.

Sidang Jemaah yang dimuliakan Allah,

Ramadan merupakan bulan yang dinantikan oleh kita semua yang mencari ruang dan peluang untuk mendekatkan diri kepada Allah swt dengan pelbagai ibadat dan amalan soleh. Di samping itu, ada juga dalam kalangan kita yang menunggu Ramadan bagi mendapatkan habuan dunia seperti laba keuntungan daripada perniagaan. Antara perniagaan yang ditunggu-tunggu ialah jualan makanan di bazar Ramadan. Terdapat pelbagai juadah dan hidangan yang tersedia, tidak kurang pula makanan yang hanya ada di bulan Ramadan sahaja. Secara tidak langsung bulan

ini memberi peluang kepada peniaga untuk menambah pendapat mereka. Keadaan ini, tidaklah salah selagi mana tidak membawa kepada pembaziran dan pembuangan makanan yang tidak habis. Namun, sikap sebahagian pengunjung bazar membeli juadah berbuka tanpa melihat kepada keperluan, tetapi lebih kepada kehendak nafsu, menyebabkan berlaku pembaziran makanan yang melampau. Makanan yang tidak dimakan dibuang begitu sahaja ke dalam tong sampah. Ingatlah kita semua bahawa nikmat-nikmat ini akan ditanya oleh Allah SWT di akhirat nanti sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Takathur, ayat 8:

ثُمَّ لَتُسْأَلُنَّ يَوْمَئِذٍ عَنِ النَّعِيمِ ﴿٨﴾

Maksudnya: Sesungguhnya kamu akan ditanya pada hari itu, tentang segala nikmat (yang kamu telah menikmatinya)!

Kaum muslimin yang diberkati Allah,

Antara hikmah dan objektif ibadat puasa ialah membersihkan jasmani dan rohani. Pembersihan jasmani dapat dilihat daripada aspek menahan diri daripada makan dan minum. Secara umumnya kita mengetahui bahawa makanan dan minuman adalah antara punca penyakit dan masalah kesihatan. Pemakanan yang sihat merupakan amalan yang sangat membantu dalam proses menjaga kesihatan jasmani. Perut merupakan anggota penting yang perlu dijaga dengan sebaiknya. Sabda Rasulullah SAW:

مَا مَلَأَ آدَمِيَّ وَعَاءٌ شَرًّا مِنْ بَطْنٍ، بِحَسْبِ ابْنِ آدَمَ أَكْلَاتٍ يُقْمَنَ صُلْبَهُ، فَإِنْ كَانَ لَا
مَحَالَةَ، فَتُلْتُ لِبَطْنِهِ، وَتُلْتُ لَشَرَابِهِ، وَتُلْتُ لِنَفْسِهِ

Maksudnya: Tiadalah memenuhi anak adam satu bekas yang lebih teruk daripada perut. Cukuplah bagi anak adam beberapa suapan yang dapat menegakkan tulang belakangnya. Jika tidak mampu, maka hendaklah satu pertiga diperuntukkan untuk makanan, satu pertiga untuk minuman dan satu pertiga untuk bernafas.

(Hadis Riwayat al-Tirmizi dan Ibn Majah)

Perbuatan menghimpunkan hidangan pagi, tengah hari dan petang dalam juadah berbuka puasa adalah perbuatan yang tidak sihat. Perut yang sepanjang hari kosong tidak patut dipaksa bekerja keras untuk menghadam pelbagai juadah yang terhidang. Kita dianjurkan oleh Sunnah untuk berbuka dengan air dan beberapa biji kurma terlebih dahulu untuk memberi masa kepada perut agar dapat berfungsi dengan baik.

Sidang Jumaat Rahimakumullah,

Kajian Persatuan Pengguna Pulau Pinang melaporkan, setiap tahun sekurang-kurangnya 10,000 ribu tan makanan dibuang oleh rakyat Malaysia setiap hari pada bulan Ramadan. Pembaziran makanan bukan sekadar satu bentuk kufur nikmat, bahkan pembazir adalah sahabat kepada syaitan. Firman Allah SWT dalam surah al-Isra', ayat 27:

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ط وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.

Kenapa tidaknya! Orang yang membazir telah menggunakan nikmat makanan dan minuman pada perkara yang tidak diredhai Allah. Mereka tidak rasa bersalah langsung walhal masih ramai lagi saudara-saudara kita yang tidak memperolehi apa-apa untuk dimakan. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Bukanlah seorang mukmin, orang yang kekenyangan dalam keadaan jiran di sebelahnya kelaparan.

(Hadis Sahih Riwayat al-Baihaqi)

إخواني المسلمین رحمکم اللہ

Amalan menghantar makanan ke pusat tahfiz, madrasah, masjid atau surau adalah digalakkan khususnya pada bulan Ramadan. Khatib ingin nasihatkan agar makanan tersebut dalam keadaan baik dan boleh dimakan. Dukacita, adakalanya makanan yang dihantar sudah pun rosak dan tidak boleh dimakan lagi. Ini bukan sahaja tidak jujur, bahkan boleh membahayakan kesihatan pelajar dan ahli jemaah.

Saudaraku kaum muslimin sekalian,

Ramadan juga mengajar kita membersihkan rohani daripada sifat cinta kepada dunia. Ibadat zakat yang difardukan pada tahun kedua hijrah pada bulan Syaaban merupakan bentuk pembersihan rohani daripada sifat kedekut, iri hati dan cintakan dunia. Zakat mengingatkan kita bahawa segala harta yang diperolehi di dunia ini hanya pinjaman dan segala harta yang diinfaqkan pada jalan Allah, itulah yang akan kekal dan dapat dituai hasilnya di akhirat kelak. Firman Allah SWT dalam surah Saba', ayat 39:

﴿٣٩﴾ وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ، وَهُوَ خَيْرُ الرَّزَاقِينَ

Maksudnya: Dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah jua sebaik-baik Pemberi rezeki".

Imam a-Bukhari dan Muslim meriwayatkan daripada Abdullah Ibn Abbas RA bahawa Rasulullah SAW merupakan seorang yang sangat pemurah, dan Baginda menjadi lebih pemurah pada bulan Ramadan, lebih-lebih lagi ketika didatangi oleh Jibril AS.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pertama ini, ayuh kita bersama-sama menanam niat dan membetulkan tingkah laku kita pada bulan yang mulia ini. Jadikan Ramadan kali ini sebagai permulaan kehidupan yang lebih baik dengan mengelakkan pembaziran dan menjadikan dunia sebagai ladang bercucuk tanam dengan berzakat dan berinfaq pada jalan Allah SWT. Semoga dengan menyucikan rohani dan jasmani, kita mendapat kedudukan muttaqin yang dijanjikan kepada orang-orang yang berpuasa.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿٣١﴾ يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ

﴿٣١﴾ الْمُسْرِفِينَ

Maksudnya: Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang), dan makanlah serta minumlah, dan jangan pula kamu melampau; sesungguhnya Allah tidak suka akan orang-orang yang melampaui batas.

(Surah al-A'raf, ayat 31)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dikasihi.

Bersempena dengan bulan Ramadan ini, jadikannya bulan untuk kita menunaikan kewajipan zakat bukan sekadar zakat fitrah, bahkan zakat-zakat harta yang lain jika telah mencukupi syaratnya. Rebutlah peluang berzakat dan bersedekah di bulan yang mulia ini kerana pahala yang dijanjikan adalah berlipat kali ganda berbanding pada bulan-bulan lain.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا

مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ
مَحْمُودِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ
تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ
الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, wahai Zat Yang Maha Pengasih.

Hindarilah kami daripada segala malapetaka, bala bencana dan wabak penyakit, daripada kekejian dan kemungkarannya, daripada pelbagai persengketaan, kekejaman dan huru hara, daripada kesulitan dan kesengsaraan, yang nampak mahupun yang tersembunyi.

Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَأَشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
□ قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمَكُمُ اللهُ.